



1. JAWATAN	: PEGAWAI BOMBA LAPANGAN TERBANG
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
BAHAGIAN	: III
TANGGAGAJI	: P.7 (\$1,550 - \$2,290 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) i) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Penerbangan Awam atau bidang bersesuaian.
ii) Berumur tidak lebih dari 28 tahun dan mempunyai ketinggian sekurang-kurangnya 5 kaki 4 inci (1.63 m) dan ukuran dada sekurang-kurangnya 34 inci (86 cm) apabila tidak menarik nafas.

ATAU

- b) i) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Balai dalam tanggagaji P.6 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta mempunyai Sijil Pegawai Kanan Bomba (Senior Fire Officer).

ATAU

- ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Balai dalam tanggagaji P.6 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta mempunyai Sijil Pegawai Bomba Lapangan Terbang (*Airport Fire Officer*).
2. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI BOMBA LAPANGAN TERBANG :

1. Melapor diri kepada Penguasa Bomba Lapangan Terbang.
2. Mengetuai Unit-Unit dalam Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang.
3. Bertanggungjawab dalam kesempurnaan dan keberkesanan pengurusan Anggota Bomba di bawah jagaannya.
4. Bertanggungjawab bagi memastikan keperluan-keperluan perkhidmatan perlindungan dan keselamatan kebakaran penerbangan dan bangunan-bangunan di Lapangan Terbang dan Heliport sentiasa mencukupi, terjamin dan terpelihara di tahap yang dikehendaki.
5. Menghadiri dan mengetuai sebarang panggilan kecemasan / kemalangan termasuk perkhidmatan khas dan penyediaan laporan-laporan kejadian / kemalangan.
6. Menyusun dan menyediakan jadual cuti dan penempatan bertugas Anggota Bomba di bawah jagaannya.
7. Menyediakan laporan bulanan kepada Ketua Pegawai Bomba Lapangan Terbang.
8. Menyediakan perangkaan peruntukan tahunan.
9. Membuat penilaian prestasi ke atas Anggota Bomba di bawah jagaannya.
10. Mengambil alih tugas Penguasa Bomba Lapangan Terbang semasa ketiadaannya.
11. Menjalankan apa juga tugas yang diarahkan oleh Penguasa Bomba Lapangan Terbang dari semasa ke semasa.